



**MOHD. Sukur Ibrahim (duduk) berkongsi pengalaman dalam bidang keusahawanan bersama peserta Cabaran Usahawan Dagang 2014 di Serdang, Selangor baru-baru ini.**

## Cabaran Usahawan Dagang 2014 UPM usaha jejak usahawan muda

KUALA LUMPUR 7 Julai - Cabaran Usahawan Dagang 2014 di Kolej Keselabelas, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang baru-baru ini berjaya mengenal pasti bakat dan potensi kira-kira 15 peserta terpilih untuk menjadi usahawan berjaya.

Program yang berlangsung selama seminggu itu dianjurkan oleh Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UPM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, PKNS Biz Point dan ASL Resources Training and Consultancy.

Jurucakap program Hairunnisal Jalil berkata, program antara lain bertujuan memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar seterusnya menjadikan bidang usahawan sebagai kerjaya sebaik menamatkan pengajian.

Menurutnya, hasil kejayaan program ini, pihaknya akan meneruskan lagi usaha menjejak usahawan-usahawan muda yang terdiri daripada pelajar UPM untuk turut serta dan seterusnya menjalani latihan selama dua bulan.

"Bagi sesi kongsi usahawan, penganjur turut mengundang usaha-

wan orang kurang upaya iaitu Mohd. Sukur Ibrahim melalui syarikat D'Strike Solution untuk berkongsi pengalaman mengenai bidang perniagaan dan keusahawanan.

"Turut sama ialah Nur Eizzah, dari Tangan Berduet Enterprise," katanya ketika ditemui pada majlis penutupan program di sini.

Tambahnya, sepanjang program pelbagai topik menarik disediakan antaranya bengkel perancangan perniagaan, teknik memborong di luar negara, pengurusan asas perniagaan, rancangan perniagaan dan pendaftaran syarikat.